



BULETIN MBSP

BIL 1 / 2022

MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI



www.mbsp.gov.my

SIDANG REDAKSI

PENAUNG

YBhg. Dato' Azhar Bin Haji Arshad
(Datuk Bandar)

PENASIHAT

Tuan Hj Baderul Amin Bin Abdul Hamid
(Setiausaha Bandaraya)

KETUA EDITOR

Puan Norhayati Binti Sulaiman

EDITOR

Muhamad Zulikqam Bin Zulkifli
(Jawatankuasa Buletin MBSP)

JURUGAMBAR

Encik Mohd Faiz Bin Abdul Halim
Encik Mohd Fakhrees Bin Mohd Ali

ISI KANDUNGAN

Muka Surat

1	MAJLIS ANGKAT SUMPAH DATUK BANDAR SEBERANG PERAI - 7 JANUARI 2022	05
2	MAJLIS ANGKAT SUMPAH PENERIMAAN JAWATAN AHLI MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI TAHUN 2022 - 7 JANUARI 2022 <i>SWEARING-IN CEREMONY FOR ACCEPTING THE POSITION AS COUNCILORS, SEBERANG PERAI CITY COUNCIL YEAR 2022 - 7TH JANUARY 2022</i>	06
3	SUNSET RIDE @ PINANG TUNGGAL - 8 JANUARI 2022 <i>SUNSET RIDE @ PINANG TUNGGAL - 8TH JANUARY 2022</i>	07
4	MAJLIS PERASMIAN GERBANG PINTU DAN PENYALAN TANGKUNG DI JALAN BESAR, TAMAN CHAI LENG, PERAI - 27 JANUARI 2021 <i>OPENING CEREMONY OF GATE AND LANTERN LIGHTING AT JALAN BESAR, TAMAN CHAI LENG, PERAI - 27TH JANUARY 2021</i>	08
5	KEMPEN DERMA DARAH BERSAMA MBSP - 27 JANUARI 2022 <i>BLOOD DONATION CAMPAIGN WITH MBSP - 27TH JANUARY 2022</i>	10
6	MAJLIS PERASMIAN PEMASANGAN SISTEM SOLAR PV MELALUI PROGRAM SUPPLY AGREEMENT FOR RENEWABLE ENERGY (SARE) ANTARA MBSP, TNB DAN GSPARX DI KOMPLEKS SUKAN BERTAM, SPU - 1 MAC 2022 <i>OPENING CEREMONY OF SOLAR PV SYSTEM INSTALLATION THROUGH SUPPLY AGREEMENT PROGRAMME FOR RENEWABLE ENERGY (SARE) BETWEEN MBSP, TNB AND GSPARX AT BERTAM SPORTS COMPLEX, SPU - 1ST MARCH 2022</i>	11
7	'WETLANDS' DI PENAGA, SEBERANG PERAI - 8 MAC 2022 <i>'WETLANDS' IN PENAGA, SEBERANG PERAI - 8 MARCH 2022</i>	13
8	MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PUSPANITA MBSP KALI KE-22 TAHUN 2022 - 11 MAC 2022 <i>OPENING CEREMONY OF THE 22ND ANNUAL GENERAL MEETING OF MBSP PUSPANITA 2022 - 11TH MARCH 2022</i>	15
9	MAJLIS PERASMIAN THE ARC - PROGRAM ART IN THE CITY - 12 MAC 2022 <i>OPENING CEREMONY OF THE ARC - ART IN THE CITY PROGRAMME - 12ND MARCH 2022</i>	17
10	PROGRAM PEMBERSIHAN PANTAI BERSIH - 13 MAC 2022 <i>PANTAI BERSIH BEACH CLEAN-UP PROGRAMME - 13RD MARCH 2022</i>	19
11	PERHIMPUNAN KORPORAT BANDARAYA BIL 01 / 2022 - 15 MAC 2022 <i>CITY CORPORATE ASSEMBLY NUMBER 01 / 2022 - 15TH MARCH 2022</i>	21
12	PROGRAM KAYUHAN SANTAI OFF ROAD BERSAMA TYT DI PINANG TUNGGAL - 20 MAC 2022 <i>OFF ROAD LEISURE CYCLING PROGRAMME WITH TYT IN PINANG TUNGGAL - 20TH MARCH 2022</i>	22
13	ASPIRING SEBERANG PERAI CITY BOOK - 25 MAC 2022 <i>ASPIRING SEBERANG PERAI CITY BOOK - 25TH MARCH 2022</i>	23
14	MAJLIS PERASMIAN KEJOHANAN HOKI SEMBILAN SEBELAH PIALA DATUK BANDAR EDISI PERTAMA - 25 MAC 2022 <i>OPENING CEREMONY OF THE NINTH HOCKEY TOURNAMENT BESIDE THE FIRST EDITION MAYOR'S CUP - 25TH MARCH 2022</i>	24

ISI KANDUNGAN

Muka Surat

15	MAJLIS PERASMIAN TAMAN REKREASI AWAM "SEMBILANG SYMBIOSIS" TAMAN SEMBILANG, SEBERANG JAYA - 26 MAC 2022 <i>OPENING CEREMONY OF "SEMBILANG SYMBIOSIS" TAMAN SEMBILANG PUBLIC RECREATIONAL PARK, SEBERANG JAYA - 26TH MARCH 2022</i>	26
16	PROGRAM PENGINDAHAN DAN MENANAM POKOK DI TAMAN TUPAI, TAMAN BAGAN BARU, BUTTERWORTH - 26 MAC 2022 <i>BEAUTIFICATION AND TREE PLANTING PROGRAMME AT TAMAN TUPAI, TAMAN BAGAN BARU, BUTTERWORTH - 26TH MARCH 2022</i>	28
17	MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2021 & JASAMU DIKENANG 2022 - 30 MAC 2022 <i>2021 EXCELLENT SERVICE AWARD CEREMONY & YOUR SERVICE IS REMEMBERED 2022 - 30TH MARCH 2022</i>	29
18	MAJLIS PELANCARAN PERTANDINGAN MENGUMPUL BARANG ELEKTRIK & ELEKTRONIK TERPAKAI ISI RUMAH SEBERANG PERAI TAHUN 2022 - 31 MAC 2022 <i>LAUNCHING CEREMONY OF THE USED HOUSEHOLDS ELECTRICAL & ELECTRONIC GOODS COLLECTION COMPETITION, SEBERANG PERAI YEAR 2022 - 31ST MARCH 2022</i>	31
19	PROGRAM KAYUHAN SANTAI BERSAMA DATUK BANDAR SEBERANG PERAI - 2 APRIL 2022 <i>LEISURE CYCLING PROGRAMME WITH THE MAYOR OF SEBERANG PERAI - 2ND APRIL 2022</i>	33
20	MAJLIS ANGKAT SUMPAH PENERIMAAN JAWATAN SEBAGAI SETIAUSAHA BANDARAYA MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI - 6 APRIL 2022 <i>SWEARING-IN CEREMONY FOR ACCEPTANCE OF POST AS CITY SECRETARY OF SEBERANG PERAI CITY COUNCIL - 6 APRIL 2022</i>	34
21	WALKABOUT BERSEPADU BAZAR RAMADHAN MBSP BERSAMA JABATAN KESIHATAN NEGERI - 6 APRIL 2022 <i>MBSP RAMADHAN BAZAAR INTEGRATED WALKABOUT WITH STATE HEALTH DEPARTMENT - 6TH APRIL 2022</i>	35
22	PENYERAHAN PRODUK UPCYCLE KEPADA PENANG FOOTBALL CLUB (PFC) - 11 APRIL 2022 <i>HANDOVER OF UPCYCLING PRODUCTS TO PENANG FOOTBALL CLUB (PFC) - 11TH APRIL 2022</i>	37
23	MAJLIS PERASMIAN LAPANGAN RENTAS HALANGAN DAN 100 HARI DATUK BANDAR - 13 APRIL 2022 <i>OPENING CEREMONY OF OBSTACLES CROSSING FIELD AND 100 DAYS OF THE MAYOR - 13RD APRIL 2022</i>	38
24	MAJLIS PELANCARAN KAD PINTAR E - MUNISASI - 13 APRIL 2022 <i>E - MUNICATION SMART CARD LAUNCH CEREMONY - 13RD APRIL 2022</i>	40
25	PROGRAM DATUK BANDAR TURUN PADANG & IHYA' RAMADHAN - 18 APRIL 2022 <i>THE MAYOR FIELD TRIP & IHYA' RAMADHAN PROGRAMME - 18TH APRIL 2022</i>	41
26	MAJLIS IFTAR DATUK BANDAR SEBERANG PERAI & PERMAI MBSP BERSAMA AHLI KARIAH MASJID DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH - 21 APRIL 2022 <i>SEBERANG PERAI MAYOR & PERMAI MBSP IFTAR CEREMONY WITH CENTRAL SEBERANG PERAI DISTRICT MOSQUE KARIAH MEMBERS - 21ST APRIL 2022</i>	43

ISI KANDUNGAN

Muka Surat

27

**MAJLIS PERASMIAN KARNIVAL MAHABBAH & SERAHAN BAJU RAYA KEPADA ANAK-ANAK YATIM
- 25 APRIL 2022**

*MAHABBAH CARNIVAL OPENING CEREMONY & PRESENTATION OF RAYA SHIRTS TO ORPHANS
- 25TH APRIL 2022*

44

28

**MAJLIS IFTAR & PRA-AIDILFITRI BERSAMA WIRA OREN JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN MBSP
- 27 APRIL 2022**

*IFTAR & PRE-AIDILFITRI CEREMONY WITH MBSP MUNICIPAL SERVICES DEPARTMENT ORANGE HEROES
- 27TH APRIL 2022*

46

29

**MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN MALAM 7 LIKUR ANJURAN BERSAMA MBSP & MASJID
BAGAN BELAT, SPU - 28 APRIL 2022**

*7 LIKUR NIGHT COMPETITION PRIZE GIVING CEREMONY ORGANIZED BY MBSP & MASJID BAGAN BELAT,
SPU - 28TH APRIL 2022*

47

30

**LAWATAN DAN KUNJUNG HORMAT
VISITS AND HONORABLE VISITS**

49

1) **LAWATAN EXCO PERUMAHAN DAN KEHIDUPAN BANDAR NEGERI SELANGOR KE MBSP
- 11 JANUARI 2022**

SELANGOR STATE HOUSING AND URBAN LIFE EXCO VISIT TO MBSP - 11TH JANUARY 2022

2) **LAWATAN POLIS BANTUAN UITM KE BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KOMUNITI MAJLIS
BANDARAYA SEBERANG PERAI - 13 JANUARI 2022**

*UITM ASSISTANCE POLICE VISIT TO SEBERANG PERAI CITY COUNCIL SAFETY AND COMMUNITY
DIVISION - 13RD JANUARY 2022*

3) **LAWATAN DARI MAJLIS BANDARAYA IPOH - 20 JANUARI 2022**

VISIT FROM IPOH CITY COUNCIL - 20TH JANUARY 2022

4) **LAWATAN DARI MAJLIS PERBANDARAN HULU SELANGOR - 21 JANUARI 2022**

VISIT FROM HULU SELANGOR MUNICIPAL COUNCIL - 21ST JANUARY 2022

5) **KUNJUNG HORMAT DARI PENGARAH PLAN MALAYSIA NEGERI PULAU PINANG - 1 MAC 2022**

HONORARY VISIT FROM THE DIRECTOR OF PLAN MALAYSIA PENANG - 1ST MARCH 2022

6) **KUNJUNG HORMAT DARI INVEST PENANG - 4 MAC 2022**

HONORABLE VISIT FROM INVEST PENANG - 4TH MARCH 2022

7) **KUNJUNG HORMAT DARI TNB PULAU PINANG - 7 MAC 2022**

HONORABLE VISIT FROM TNB PENANG - 7TH MARCH 2022

8) **KUNJUNG HORMAT DAN MESYUARAT KETUA POLIS PULAU PINANG BERSAMA DATUK BANDAR
- 10 MAC 2022**

HONORARY VISIT AND MEETING OF PENANG CHIEF POLICE WITH THE MAYOR - 10TH MARCH 2022

9) **KUNJUNG HORMAT DARI KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF PDC - 12 MAC 2022**

HONORABLE VISIT FROM PDC CHIEF EXECUTIVE OFFICER - 12ND MARCH 2022

10) **PERJUMPAAN DATUK BANDAR DENGAN MPC - 14 MAC 2022**

MAYOR'S MEETING WITH MPC - 14TH MARCH 2022

11) **LAWATAN DARI MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU - 31 MAC 2022**

VISIT FROM JOHOR BAHRU CITY COUNCIL - 31ST MARCH 2022

12) **KUNJUNG HORMAT MAJLIS SUKAN NEGARA - 1 APRIL 2022**

HONORARY VISIT OF THE NATIONAL SPORTS COUNCIL - 1ST APRIL 2022

13) **KUNJUNG HORMAT PENGARAH PERPADUAN NEGERI PULAU PINANG - 15 APRIL 2022**

HONORARY VISIT OF THE DIRECTOR OF PENANG STATE UNITY - 15TH APRIL 2022

14) **KUNJUNG HORMAT YAYASAN ISLAM PULAU PINANG - 22 APRIL 2022**

HONORABLE VISIT OF THE ISLAMIC FOUNDATION OF PENANG - 22ND APRIL 2022

MAJLIS ANGKAT SUMPAH DATUK BANDAR SEBERANG PERAI - 7 JANUARI 2022



MAJLIS ANGKAT SUMPAH PENERIMAAN JAWATAN AHLI MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI TAHUN 2022 - 7 JANUARI 2022

Tahniah dan selamat menjalankan tugas kepada 24 orang Ahli Majlis MBSP yang telah dilantik bagi tahun 2022. Majlis mengangkat sumpah penerimaan jawatan telah diadakan di Dewan Kenanga, Menara Bandaraya MBSP dan disaksikan oleh YAB Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang.



SWEARING-IN CEREMONY FOR ACCEPTING THE POSITION AS COUNCILORS, SEBERANG PERAI CITY COUNCIL YEAR 2022 - 7TH JANUARY 2022



Congratulations and good luck to the 24 MBSP Councilors who have been appointed for the year 2022. The swearing-in ceremony was held at Dewan Kenanga, MBSP City Tower and was witnessed by YAB Tuan Chow Kon Yeow, Chief Minister of Penang.

SUNSET RIDE @ PINANG TUNGGAL - 8 JANUARI 2022



Sekitar penganjuran program Sunset Ride@Pinang Tunggol yang turut dihadiri oleh TYT Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, YAB Ketua Menteri, Exco Kerajaan Negeri, Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Datuk Bandar MBSP dan MBPP serta barisan pemimpin Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Dalam program yang sama, TYT Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang telah merasmikan Hentian Rehat Basikal Kampung Pinang Tunggol. Para peserta kayuhan juga turut berpeluang melawat Batu Sempadan British-Siam yang terletak di Ekor Kucing, Kepala Batas.



SUNSET RIDE @ PINANG TUNGGAL - 8TH JANUARY 2022

Organization of the Sunset Ride@Pinang Tunggol programme was attended by TYT Yang di-Pertua Negeri of Penang, YAB Chief Minister, State Government Exco, Penang State Secretary, MBSP and MBPP Mayors as well as Penang State Government leaders. In the same programme, TYT Yang di-Pertua Negeri of Penang officiated the Kampung Pinang Tunggol Bicycle Rest Stop. Cycling participants also had the opportunity to visit the British-Siamese Border Stone located at Ekor Kucing, Kepala Batas.



MAJLIS PERASMIAN GERBANG PINTU DAN PENYALAAAN TANGLUNG DI JALAN BESAR, TAMAN CHAI LENG, PERAI - 27 JANUARI 2022



Majlis Bandaraya Seberang Perai bersama Ahli Majlis MBSP telah menyiapkan projek pengindahan iaitu gerbang pintu masuk ke Taman Chai Leng dan pengindahan sepanjang Jalan Besar Taman Chai Leng dengan hiasan tanglung sempena Perayaan Tahun Baru Cina.

Pintu Gerbang ini telah dinaiktaraf daripada papan tanda biasa kepada jenis struktur tetap yang lebih cantik serta dihiasi dengan tanglung yang akan bertukar warna cahaya dari masa ke semasa semasa Tahun Baru Cina ini.

Majlis ini telah dirasmikan oleh YB Prof. Dr. Ramasamy a/l Palanisamy, Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang II dan turut disaksikan oleh YB Phee Boon Poh & YB Chong Eng, EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Ahli-Ahli Majlis dan Tuan Haji Baderul Amin bin Abdul Hamid, Setiausaha Bandaraya MBSP.



OPENING CEREMONY OF GATE AND LANTERN LIGHTING AT JALAN BESAR, TAMAN CHAI LENG, PERAI - 27TH JANUARY 2022



Seberang Perai City Council together with MBSP Councilors have completed the beautification project, namely the entrance gate to Taman Chai Leng and the beautification along Jalan Besar of Taman Chai Leng with lantern decoration in conjunction with the Chinese New Year Celebration.

The Gate has been upgraded from a regular signage to a fixed structure which is more beautiful and was decorated with lanterns that changes color of the light from time to time during this Chinese New Year.

The ceremony was officiated by YB Prof. Dr. Ramasamy A/L Palanisamy, Deputy Chief Minister of Penang II and was also witnessed by YB Phee Boon Poh & YB Chong Eng, EXCO of the Penang State Government, councilors and Tuan Haji Baderul Amin bin Abdul Hamid, MBSP City Secretary.



KEMPEN DERMA DARAH BERSAMA MBSP - 27 JANUARI 2022



Sekitar program Kempen Derma Darah Bersama MBSP anjuran Hospital Seberang Jaya dengan kerjasama Unit Klinik Jabatan Perkhidmatan Kesihatan MBSP. Program ini bertujuan untuk mengatasi masalah kekurangan bekalan darah dan komponen darah yang serius bagi keperluan untuk merawat dan menyelamatkan nyawa pesakit.

BLOOD DONATION CAMPAIGN WITH MBSP - 27TH JANUARY 2022

The MBSP Blood Donation Campaign Programme was organized by Seberang Jaya Hospital in collaboration with the Clinic Unit of the MBSP Health Services Department. The programme aims to address the problem of serious shortage in blood supply and blood components for the need to treat and save lives of patients.



MAJLIS PERASMIAN PEMASANGAN SISTEM SOLAR PV MELALUI PROGRAM SUPPLY AGREEMENT FOR RENEWABLE ENERGY (SARE) ANTARA MBSP, TNB DAN GSPARX DI KOMPLEKS SUKAN BERTAM, SPU - 1 MAC 2022

Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh, EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar & Desa Negeri Pulau Pinang telah merasmikan majlis ini yang turut disaksikan oleh YB. Dato' Dr. Amar Pritpal bin Abdullah, Timbalan Speaker DUN Pulau Pinang, YBhg. Dato' Azhar bin Hj Arshad, Datuk Bandar Seberang Perai, YBrs. Puan Nur 'Aishah binti Md Norodin, Ketua Penolong Setiausaha Kanan, Bahagian Kerajaan Tempatan PSUKPP, Ahli-Ahli Majlis MBSP, Pemangku Setiausaha Bandaraya MBSP, wakil dari TNB & GSPARX.



Pemasangan Sistem Solar ini melalui Program *Supply Agreement For Renewable Energy (SARE)* ini merupakan satu perjanjian antara TNB & GSPARX sebagai pelabur PV Solar Berdaftar (RPVI) dan MBSP sebagai pelanggan yang membolehkan MBSP menikmati kadar elektrik lebih rendah berbanding tarif yang diwartakan.

Tiga (3) bangunan MBSP telah dipilih iaitu Kompleks Sukan Bertam, Kompleks Sukan Jalan Betek & Pejabat MBSP Cawangan Jalan Betek telah dipasang sistem solar ini tanpa sebarang kos dikenakan kerana ditanggung oleh pihak pelabur malahan MBSP juga boleh menjual lebihan tenaga solar kepada pihak TNB dan mendapat kredit tenaga bagi mengurangkan lagi bil menerusi skim Net Energy Metering (NEM).

Hasilnya MBSP secara tidak langsung dapat menjimatkan kos pembiayaan elektrik bagi ketiga-tiga bangunan ini.

OPENING CEREMONY OF SOLAR PV SYSTEM INSTALLATION THROUGH SUPPLY AGREEMENT PROGRAMME FOR RENEWABLE ENERGY (SARE) BETWEEN MBSP, TNB AND GSPARX AT BERTAM SPORTS COMPLEX, SPU - 1ST MARCH 2022

The Honorable Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh, EXCO for Housing, Local Government and Town & Country Planning of Penang state officiated this ceremony which was also witnessed by YB. Dato' Dr. Amar Pritpal bin Abdullah, Deputy Speaker of the Penang State Assembly, YBhg. Dato' Azhar bin Hj Arshad, Mayor of Seberang Perai, YBrs. Puan Nur' Aishah binti Md Norodin, Senior Principal Assistant Secretary, PSUKPP Local Government Division, MBSP councilors, MBSP Acting City Secretary, representatives from TNB & GSPARX.

The installation of this Solar System through the Supply Agreement For Renewable Energy (SARE) Programme is an agreement between TNB & GSPARX as Registered Solar PV investor (RPVI) and MBSP as a customer that allows MBSP to enjoy lower electricity rates than gazetted tariffs.



Three (3) MBSP buildings have been selected, namely Bertam Sports Complex, Jalan Betek Sports Complex & MBSP Jalan Betek Branch Office have been installed with this solar system without any cost because it is borne by investors. Moreover, MBSP can sell surplus solar energy to TNB and get energy credit to further reduce bills through the Net Energy Metering (NEM) scheme.

As a result, MBSP can indirectly save the cost of electricity financing for these three buildings.

'WETLANDS' DI PENAGA, SEBERANG PERAI - 8 MAC 2022



Sempena Sambutan Hari Hidupan Liar Sedunia (*World Wildlife Day 2022*) yang disambut setiap tahun pada tanggal 3 Mac, Ahli Majlis MBSP iaitu Encik Tan Choo Eng bersama Encik Kanda Kumar dari *Malaysian Nature Society* (MNS) telah mengadakan Program *Bird Watching* bagi melihat secara dekat burung-burung Migrasi yang datang ke lembah berselut 'wetlands' di Penaga, SPU.

Program ini bertujuan mengenalpasti dan mengira spesis burung migrasi di kawasan air dan pantai sekitar tanah lembab di lembah Sungai Abdul, Sungai Lahar Endin, Sungai Tembus & Sungai Muda, Seberang Perai Utara.

Kebanyakan spesis burung yang datang ke sini adalah burung migrasi yang berasal dari Timur Laut Benua Asia termasuk Rusia, Mongolia, China, Jepun dan Korea yang akan datang ke Malaysia setiap tahun antara bulan Oktober hingga Mac. Secara lazimnya setiap musim terdapat lebih kurang 65 spesis dengan anggaran 15,000 ekor burung air dan burung pantai migrasi yang ada di sekitar kawasan persisir pantai, lembah sungai & kawasan sawah padi di Penaga.


Diharapkan kawasan tanah lembab ini boleh mendapat pengiktirafan dunia melalui "*Ramsar Convention on Wetlands of International Importance, especially as Waterfowl Habitat*" (RAMSAR) satu hari nanti memandangkan kawasan ini mempunyai kepelbagaian biologi yang tinggi dan berperanan penting dalam memberikan perkhidmatan ekosistem seperti sumber makanan, bekalan air, perlindungan daripada ribut, pengawal banjir, pengawal hakisan, penuras air dan penstabil cuaca tempatan serta memberi peluang dalam industri perikanan, pertanian, sumber tenaga, sumber hidupan liar, pengangkutan, rekreasi serta peluang-peluang eko-pelancongan.

'WETLANDS' IN PENAGA, SEBERANG PERAI - 8 MARCH 2022





In conjunction with the World Wildlife Day 2022 which is celebrated annually on 3rd March, MBSP councilor, Mr. Tan Choo Eng together with Mr. Kanda Kumar from the Malaysian Nature Society (MNS) has held the Bird Watching Programme to closely observe the migratory birds that came to the wetlands in Penaga, SPU.

This program aims to identify and count the migratory bird species in water and coastal areas around wetlands in the valley of Sungai Abdul, Sungai Lahar Endin, Sungai Tembus & Sungai Muda, Northern Seberang Perai.



Most of the bird species that come here are migratory birds originating from Northeast Asia Continent including Russia, Mongolia, China, Japan and Korea that come to Malaysia every year between October and March. Typically, each season has about 65 species with an estimated 15,000 migratory waterbirds and shorebirds showed up around the coastal areas, river valleys and paddy fields in Penaga.

It is hoped that this wetland can gain the world recognition through the "Ramsar Convention on Wetlands of International Importance, especially as Waterfowl Habitat" (RAMSAR) one day as this area has high biological diversity and plays an important role in providing ecosystem services such as food resources, water supplies, storm protection, flood control, erosion control, water filters and local weather stabilizers as well as to provide opportunities in the fisheries industry, agriculture, energy resources, wildlife resources, transportation, recreation and eco-tourism opportunities.



MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PUSPANITA MBSP KALI KE-22 TAHUN 2022 - 11 MAC 2022

Sekitar Mesyuarat Agung Tahunan PUSPANITA MBSP kali ke-22 yang berlangsung di Dewan Kenanga, Menara Bandaraya MBSP. Mesyuarat Agung ini telah dirasmikan oleh Datuk Bandar Seberang Perai, YBhg. Dato' Azhar Bin Haji Arshad merangkap Penasihat PUSPANITA MBSP. Dalam majlis yang sama, penyampaian hadiah dan cenderahati telah disampaikan kepada Ahli-ahli PUSPANITA yang bakal bersara. PUSPANITA MBSP juga turut menyampaikan hadiah kepada anak-anak Ahli PUSPANITA yang cemerlang dalam peperiksaan SPM dan STPM bagi tahun 2020.

Hadir sama ke Mesyuarat Agung PUSPANITA MBSP ini ialah YBhg. Datin Razimah Binti Mohamed, Pengerusi PUSPANITA MBSP, YBrs. Puan Noriza Binti Yusoff, Timbalan Pengerusi II PUSPANITA Pulau Pinang, Pemangku Setiausaha Bandaraya MBSP, Ketua Jabatan dan barisan Ahli Jawatankuasa PUSPANITA MBSP.

Dengan adanya aktiviti persatuan ini, PUSPANITA MBSP diharapkan dapat memberi sokongan dan sumbangan positif terhadap usaha-usaha Kerajaan dalam pembangunan Wanita dan Suri melalui kerja-kerja amal bakti serta menjadi wadah perhubungan antara majikan dan pekerja.



OPENING CEREMONY OF THE 22ND ANNUAL GENERAL MEETING OF MBSP PUSPANITA 2022 - 11TH MARCH 2022



The 22nd annual general meeting of PUSPANITA MBSP took place at the Kenanga Hall, MBSP City Tower. The general meeting was officiated by the mayor of Seberang Perai, YBhg. Dato' Azhar bin Haji Arshad, who is also the advisor of PUSPANITA MBSP. In the same ceremony, gifts and souvenirs were presented to the retiring PUSPANITA members. PUSPANITA MBSP also presented prizes to the children of PUSPANITA members who excelled in the SPM and STPM examinations for the year 2020.

Also present at the general meeting of PUSPANITA MBSP was YBhg. Datin Razimah binti Mohamed, chairman of PUSPANITA MBSP, YBrs. Puan Noriza binti Yusoff, deputy chairman II of PUSPANITA Penang, acting city secretary of MBSP, department heads and members of the PUSPANITA MBSP committee.



With the association's activities, PUSPANITA MBSP is expected to provide support and positive contribution to the government's efforts in the development of women and housewives through charitable work as well as a platform for communication between employers and employees.



MAJLIS PERASMIAN THE ARC - PROGRAM ART IN THE CITY - 12 MAC 2022



Majlis Perasmian *The Arc - Program Art In The City* di Dataran Pemuda Merdeka, Butterworth telah dirasmikan oleh YB Tuan Yeoh Soon Hin, EXCO Pelancongan & Ekonomi Kreatif negeri Pulau Pinang. Majlis ini turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Azhar bin Hj Arshad, Datuk Bandar Seberang Perai, Ahli-Ahli Majlis MBSP, YBrs. Encik Noor Azmi bin Mat Said (*MyCreative Ventures / Cendana*), YBrs. Encik Hamdan bin Abdul Majeed (*Think City*) & YBrs. Encik Zaini bin Zainul (*Zart Eventive*).

Program ini merupakan kerjasama diantara Majlis Bandaraya Seberang Perai dengan Agensi Pembangunan Ekonomi Seni Budaya (CENDANA), Think City Sdn. Bhd. dan dengan kendalian dari Zart Eventive Enterprise.

Oleh itu, Program Alun Arus (*Community Outreach Program*) telah diadakan yang mana program ini di bawah Projek Light iaitu sebuah inisiatif lanjutan daripada program *Art In The City* untuk menghidupkan bandar dengan seni awam dan persembahan.

Program ini akan dilaksanakan sebanyak enam (6) kali yang akan membawa pengisian persembahan yang berbeza bagi setiap penganjuran. Program pada hari ini ialah Siri ke - 4 dan Siri seterusnya akan dibuat pada 19 & 26 Mac 2022. Semua dijemput hadir.



OPENING CEREMONY OF THE ARC - ART IN THE CITY PROGRAMME - 12ND MARCH 2022



The Arc opening ceremony - Art In The City Programme at Dataran Pemuda Merdeka, Butterworth was officiated by YB Tuan Yeoh Soon Hin, EXCO of Tourism & Creative Economy of Penang. The ceremony was also attended by YBhg. Dato' Azhar bin Hj Arshad, mayor of Seberang Perai, MBSP councilors, YBrs. Mr. Noor Azmi bin Mat Said (MyCreative Ventures / Cendana), YBrs. Mr. Hamdan bin Abdul Majeed (Think City) & YBrs. Mr. Zaini bin Zainul (Zart Eventive).

This programme is a collaboration between Seberang Perai City Council and the Arts and Culture Economic Development Agency (CENDANA), Think City Sdn. Bhd. and under the handling of Zart Eventive Enterprise.

Therefore, the Alun Arus Programme (Community Outreach Programme) was held under the Light Project which is an extension of the Art In The City programme to enliven the city with public art and performance.

The programme will be implemented six (6) times which will bring different presentation for each time organization. Today's programme is the 4th series and the next series will be made on 19th & 26th March 2022. All are invited to attend.



PROGRAM PEMBERSIHAN PANTAI BERSIH - 13 MAC 2022



YB Tuan Soon Lip Chee, EXCO Belia & Sukan Negeri Pulau Pinang bersama YBhg. Dato' Azhar bin Hj Arshad, Datuk Bandar Seberang Perai, YBrs. Dr. Gwee Sai Ling, Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang telah menyertai program ini dan turut menyumbang dalam program ini ialah Ahli Majlis MBSP Encik Tan Chee Teong dan Encik Ng Yee Siang dalam Program Pembersihan Pantai Bersih, Butterworth.

Program ini merupakan kerjasama diantara Majlis Bandaraya Seberang Perai dengan Agensi Pembangunan Ekonomi Seni Budaya (CENDANA), Think City Sdn. Bhd. dan dengan kendalian dari *Zart Eventive Enterprise*.

Terima kasih kepada semua sukarelawan dalam usaha untuk melindungi kawasan pantai kita dari pencemaran alam sekitar. Diharapkan orang awam yang beriadah di sepanjang pantai ini dapat menjaga kebersihan bersama dalam usaha untuk mewujudkan tempat riadah yang selamat, bersih dan selesa.




PANTAI BERSIH BEACH CLEAN-UP PROGRAMME - 13RD MARCH 2022

YB Tuan Soon Lip Chee, Penang State Youth & Sports EXCO, together with YBhg. Dato' Azhar bin Hj Arshad, mayor of Seberang Perai, YBrs. Dr. Gwee Sai Ling, general manager of the Penang Youth Development Corporation have joined the programme. MBSP councilors, Mr Tan Chee Teong and Mr Ng Yee Siang too have contributed in the Pantai Bersih Clean-Up Programme, Butterworth.



The programme, which was attended by 90 volunteers and 30 MBSP Orange Heroes, collected garbage along Pantai Bersih, Butterworth. As a result, about 53 kilograms of recycled garbage & almost 4 tonnes of discarded garbage were successfully collected this morning.

Thank you to all the volunteers in their efforts to protect our coastal areas from environmental pollution. It is hoped that the public who have had fun along this beach can maintain the cleanliness together in effort to create a safe, clean and comfortable recreational place.



PERHIMPUNAN KORPORAT BANDARAYA BIL 01 / 2022 - 15 MAC 2022



Sekitar Perhimpunan Korporat Bandaraya MBSP bertempat di Dewan Kenanga, Menara Bandaraya MBSP.



CITY CORPORATE ASSEMBLY NUMBER 01 /2022 - 15TH MARCH 2022

The MBSP City Corporate Assembly was located at Kenanga Hall, MBSP City Tower.



PROGRAM KAYUHAN SANTAI OFF ROAD BERSAMA TYT DI PINANG TUNGGAL - 20 MAC 2022



Sekitar program Kayuhan Santai *Off Road* Bersama Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang bertempat di Pinang Tunggal, Kepala Batas SPU.



OFF ROAD LEISURE CYCLING PROGRAMME WITH TYT IN PINANG TUNGGAL - 20TH MARCH 2022

The Off Road Leisure Cycling Programme with TYT Yang Di-Pertua of the State of Penang located in Pinang Tunggal, Kepala Batas SPU.



ASPIRING SEBERANG PERAI CITY BOOK - 25 MAC 2022



Majlis Persembahan Aspiring Seberang Perai City Book oleh YBhg Datuk Bandar kepada YAB Ketua Menteri Pulau Pinang di Platform Malaysian Landscape Architecture Awards pada 25 Mac 2022 bertempat di The Wembley Hotel, George Town, Penang.

Aspiring Seberang Perai Book adalah hasil kolaborasi di antara Majlis Bandaraya Seberang Perai dan Spirit Of Perai bersama-sama stakeholders iaitu Think City dan Institut of Landscape Architects Malaysia (ILAM). Buku ini mengandungi kompilasi 5 tahun penganjuran Seberang Perai Photography Awards bermula 2016-2020 di bawah Program Butterworth Baharu.



ASPIRING SEBERANG PERAI CITY BOOK - 25TH MARCH 2022

Aspiring Seberang Perai City Book Presentation Ceremony by YBhg. mayor to YAB Chief Minister of Penang at the Malaysian Landscape Architecture Awards Platform on 25th March 2022 was held at The Wembley Hotel, George Town, Penang.

Aspiring Seberang Perai Book is the result of a collaboration between Seberang Perai City Council and Spirit of Perai together with stakeholders namely Think City and the Institute of Landscape Architects Malaysia (ILAM). This book contains a compilation of 5 years of organizing the Seberang Perai Photography Awards starting from 2016 to 2020 under the New Butterworth Programme.



MAJLIS PERASMIAN KEJOHANAN HOKI SEMBILAN SEBELAH PIALA DATUK BANDAR EDISI PERTAMA - 25 MAC 2022



Ybhg. Dato' Azhar bin Hj Arshad, Datuk Bandar Seberang Perai telah merasmikan Kejohanan Hoki Sembilan Sebelah Piala Datuk Bandar edisi pertama yang berlangsung di Stadium Hoki, Kompleks Sukan MBSP Bertam, Kepala Batas.

Kejohanan Hoki Piala Datuk Bandar Seberang Perai ini adalah pertama kali diadakan yang berlangsung selama dua hari bermula 25-26 Mac 2022 yang melibatkan 5 pasukan daripada agensi Kerajaan iaitu MBSP, TUDM, PDRM, JPNPP & PESSCA.



Diharapkan kejohanan pada kali ini berjalan lancar serta pada masa yang sama dapat mengeratkan semangat kesukanan sesama agensi Kerajaan yang bertanding dalam kejohanan pada kali ini.

Turut hadir bersama Ketua Whip Ahli Majlis MBSP iaitu Encik David Marshel a/I Pakianathan & Encik Muhamad Suzuki bin Ahmad, Ahli-Ahli Majlis MBSP, Ketua Jabatan serta pasukan-pasukan yang bertanding.

Kejohanan pembukaan antara MBSP melawan PESSCA turut berlangsung pada petang ini.

OPENING CEREMONY OF THE NINTH HOCKEY TOURNAMENT BESIDE THE FIRST EDITION MAYOR'S CUP - 25TH MARCH 2022

Ybhg. Dato 'Azhar bin Hj Arshad, Mayor of Seberang Perai officiated the ninth first Hockey Tournament beside the first edition of the Mayor's Cup, which took place at the Hockey Stadium, MBSP Bertam Sports Complex, Kepala Batas.

This Seberang Perai Mayor's Cup Hockey Tournament is the first to be held for two days from 25-26 March 2022 involving 5 teams from Government agencies namely MBSP, TUDM, PDRM, JPNPP & PESSCA.

It is hoped that the tournament this time runs smoothly and at the same time can strengthen the spirit of sports among the government agencies that compete in the tournament this time.

Also present were the Chief Whip of MBSP councilors, namely Mr. David Marshel A/L Pakianathan & Mr. Muhamad Suzuki bin Ahmad, MBSP councilors, department heads and the competing teams.

The opening tournament between MBSP against PESSCA also took place this evening.



MAJLIS PERASMIAN TAMAN REKREASI AWAM "SEMBILANG SYMBIOSIS" TAMAN SEMBILANG, SEBERANG JAYA - 26 MAC 2022

Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh, EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa Pulau Pinang telah merasmikan Taman Rekreasi "Sembilang Symbiosis" di Taman Sembilang, Seberang Jaya sejajar dengan tema Visi Penang 2030 ke arah menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri Bersih dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara.

Taman seluas 3.20 ekar yang menjadi kawasan tumpuan awam di tepi Sungai ini telah dinaiktaraf di bawah Peruntukan Program Pembangunan Persekitaran Kehidupan & Naiktaraf Taman Awam dari Jabatan Landskap Negara. Ianya merupakan sebahagian daripada program membangunkan lot permainan dan padang permainan di taman rekreasi awam yang strategik di Seberang Perai.



Antara kemudahan awam yang telah dinaiktaraf di taman awam ini ialah laluan pejalan kaki, laluan basikal, dataran kejat, gelanggang serbaguna, alat permainan bersepadu, kerusi taman, *climbing wall*, *outdoor gym*, *signage* dan wakaf.

Turut hadir bersama dalam majlis ini ialah YBhg. Dato' Azhar bin Hj Arshad, Datuk Bandar Seberang Perai, YB Dr Afif bin Bahardin, ADUN Seberang Jaya, Ketua Whip Ahli Majlis MBSP iaitu Encik Ahmad Rizal bin Abd Hamid & Encik Muhamad Suzuki bin Ahmad, barisan Ahli-Ahli Majlis MBSP, Yb Puan Nur 'Aishah binti Md Norodin, Bahagian Kerajaan Tempatan PSUKPP, Tuan Setiausaha Bandaraya, Ketua Jabatan & Pegawai Kanan MBSP.



OPENING CEREMONY OF "SEMBILANG SYMBIOSIS" TAMAN SEMBILANG PUBLIC RECREATIONAL PARK, SEBERANG JAYA - 26TH MARCH 2022

The honorable Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh, EXCO of Housing, Local Government and Town & Country Planning of Penang officiated the "Sembilang Symbiosis" Recreation Park in Taman Sembilang, Seberang Jaya in line with the theme of Penang Vision 2030 towards making Penang a clean and green state based on National Inspired Family.

The 3.20-acre park which is a public focus area by the river has been upgraded under the Living Environment Development & Public Park Upgrading Programme Allocation from the National Landscape Department. It is part of a programme to develop play lots and playgrounds in a strategic public recreational park in Seberang Perai.



Among the public facilities that have been upgraded in this public park are footpaths, bicycle paths, squares, multi-purpose courts, integrated playground equipment, garden chairs, climbing wall, outdoor gym, signage and gazebo.

Also present at the ceremony were YBhg. Dato' Azhar bin Hj Arshad, mayor of Seberang Perai, YB Dr Afif bin Bahardin, Seberang Jaya assemblyman, Chief Whip of MBSP councilors namely Mr. Ahmad Rizal bin Abd Hamid & Mr. Muhamad Suzuki bin Ahmad, MBSP councilors, Ybrs Puan Nur' Aishah binti Md Norodin, PSUKPP Local Government Division, city secretary, department heads & senior officer of MBSP.



PROGRAM PENGINDAHAN DAN MENANAM POKOK DI TAMAN TUPAI, TAMAN BAGAN BARU, BUTTERWORTH - 26 MAC 2022



Pejabat ADUN Bagan Dalam dengan kerjasama Ahli Majlis MBSP Encik Chee Yeeh Keen serta MPKK Heng Choon Thian telah menganjurkan Program Pengindahan Dan Menanam Pokok Di Taman Tupai, Taman Bagan Baru, Butterworth pada pagi ini.

Program pengindahan taman permainan dengan menanam pelbagai pokok hiasan ini telah dilancarkan oleh YBhg. Dato' Azhar bin Hj Arshad, Datuk Bandar Seberang Perai bersama-sama YB Satees a/l Muniandy, ADUN Bagan Dalam serta disaksikan oleh En. Chee Yeeh Keen, Ahli Majlis MBSP, Ybrs. Puan Nur Farina binti Akmal, ADO Pejabat Daerah SPU, Penghulu, wakil PDRM, MPKK Heng Choon Thian serta penduduk sekitar.



BEAUTIFICATION AND TREE PLANTING PROGRAMME AT TAMAN TUPAI, TAMAN BAGAN BARU, BUTTERWORTH - 26TH MARCH 2022



The Bagan Dalam Assemblyman Office in collaboration with MBSP councilor, Mr. Chee Yeeh Keen and MPKK Heng Choon Thian has organized a Beautification and Tree Planting Programme at Taman Tupai, Taman Bagan Baru, Butterworth this morning.

The playground beautification programme by planting various ornamental trees was launched by YBhg. Dato' Azhar bin Hj Arshad, mayor of Seberang Perai together with YB Satees A/LI Muniandy, assemblyman of Bagan Dalam and witnessed by Mr. Chee Yeeh Keen, MBSP councilor, Ybrs. Puan Nur Farina binti Akmal, ADO of the SPU District Office, village chief, PDRM representative, MPKK Heng Choon Thian and the surrounding residents.

MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2021 & JASAMU DIKENANG 2022 - 30 MAC 2022



Sekitar Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Majlis Bandaraya Seberang Perai 2021 dan Jasamu Dikenang 2022 yang berlangsung di The Light Hotel, Seberang Jaya.

Majlis ini merupakan acara tahunan sebagai pengiktirafan terhadap kecemerlangan yang telah ditunjukkan oleh warga kerja MBSP dalam melaksanakan tugas serta penghargaan atas segala khidmat bakti dan pengorbanan kakitangan yang telah dicurahkan dengan penuh komitmen sepanjang tempoh perkhidmatan warga kerja di MBSP.

Seramai 315 kakitangan daripada 3,953 kakitangan telah layak dipilih dan diberi Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) iaitu seramai 7 orang adalah merupakan kakitangan Kumpulan Pengurusan & Profesional, 75 orang kakitangan Kumpulan Pelaksana 1 dan 233 orang merupakan kakitangan Pelaksana 2. Manakala seramai 51 orang pesara yang terdiri daripada 34 orang pesara wajib, 10 orang pesara pilihan sendiri, serta 7 kakitangan yang telah meninggal dunia di dalam perkhidmatan.

Majlis ini dihadiri oleh Datuk Bandar, YBhg. Dato' Azhar Bin Haji Arshad, Ahli Majlis MBSP, Pemangku Setiuasaha Bandaraya dan Ketua Jabatan MBSP.

Tahniah diucapkan kepada semua penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan sekalung penghargaan dan selamat maju jaya kepada semua bakal pesara.



2021 EXCELLENT SERVICE AWARD CEREMONY & YOUR SERVICE IS REMEMBERED 2022 - 30TH MARCH 2022

The Seberang Perai City Council Outstanding Service Award Ceremony 2021 and Your Service is Remembered 2022 took place at The Light Hotel, Seberang Jaya.

This ceremony is an annual event in recognition of the excellence shown by MBSP employees in performing their duties as well as appreciation for all the services and sacrifices of employees who have poured out with full commitment throughout their service period at MBSP.



A total of 315 employees out of 3,953 employees were eligible to be selected and be presented the Outstanding Service Award (APC) of which 7 people are employees of the Management & Professional Group, 75 employees of Implementation Group 1 and 233 people are employees of Implementation Group 2. Meanwhile, a total of 51 retirees consisting of the 34 compulsory retirees, 10 self-selected retirees, as well as 7 staff who have passed away in service.

The ceremony was attended by the mayor, YBhg. Dato' Azhar bin Haji Arshad, MBSP councilors, acting city secretary and MBSP department heads.

Congratulations to all recipients of the Outstanding Service Award and a word of appreciation and good luck to all prospective retirees.



MAJLIS PELANCARAN PERTANDINGAN MENGUMPUL BARANG ELEKTRIK & ELEKTRONIK TERPAKAI ISI RUMAH SEBERANG PERAI TAHUN 2022 - 31 MAC 2022

Ybrs. Tuan Hj Baderul Amin bin Abdul Hamid, Pemangku Setiausaha Bandaraya mewakili Datuk Bandar Seberang Perai telah melancarkan Pertandingan Mengumpul Barang Elektrik & Elektronik Terpakai Isi Rumah Seberang Perai tahun 2022 pada hari ini. Turut hadir bersama ialah Ketua Whip Ahli Majlis MBSP iaitu Encik David Marshel a/l Pakianathan, Encik Muhamad Suzuki bin Ahmad serta Ahli-Ahli Majlis MBSP, Ketua Jabatan dan YBhg. Dato' Philip Kang Chun Keong, Pengarah Urusan Cycle Trend Industries Sdn Bhd sebagai penaja.



Program mengumpul barangan 'e-waste' ini merupakan satu pertandingan melibatkan Komuniti di Seberang Perai serta menggalakkan pusat kitar semula komuniti mengumpul barang elektrik & elektronik terpakai isi rumah. Pertandingan ini adalah salah satu cara untuk memastikan pelupusan barang 'e-waste' dilaksanakan secara lebih sistematik dan selamat.

Sehingga kini terdapat sebanyak 19 komuniti pusat kitar semula yang telah mendaftar bagi menyertai pertandingan ini dan MBSP menyeru pusat-pusat kitar semula yang lain dapat menyertai pertandingan ini memandangkan ianya akan berlangsung sehingga 30 Oktober 2022.

Sebarang pertanyaan boleh menghubungi Unit Eko-Komuniti MBSP ditalian 04-5497886 / 04-5497874.



LAUNCHING CEREMONY OF THE USED HOUSEHOLDS ELECTRICAL & ELECTRONIC GOODS COLLECTION COMPETITION, SEBERANG PERAI YEAR 2022 - 31ST MARCH 2022



Ybrs. Tuan Hj Baderul Amin bin Abdul Hamid, acting city secretary representing the mayor of Seberang Perai, has launched the Seberang Perai Household Used Electrical & Electronic Collection Competition 2022 today. Also present were the Chief Whip of MBSP councilors, namely Mr. David Marshal A/L Pakianathan, Mr. Muhamad Suzuki bin Ahmad as well as MBSP councilors, department heads and YBhg. Dato' Philip Kang Chun Keong, Managing Director of Cycle Trend Industries Sdn Bhd as the sponsor.

This 'e-waste' collection programme is a competition involving the community in Seberang Perai as well as encouraging community recycling centers to collect used electrical & electronic household items. This competition is one of the ways to ensure the disposal of 'e-waste' items is implemented more systematically and safely.



To date, there are 19 recycling center communities that have registered to participate in this competition and MBSP calls on other recycling centers to participate in this competition as it will run until 30 October 2022.

For further inquiries, one can contact the MBSP Eco-Community Unit at 04-5497886 / 04-5497874.

PROGRAM KAYUHAN SANTAI BERSAMA DATUK BANDAR SEBERANG PERAI - 2 APRIL 2022

Majlis Bandaraya Seberang Perai mengadakan Program Kayuhan Santai Bersama Datuk Bandar Seberang Perai disekitar kawasan Bukit Mertajam dan Permatang Pauh, SPT. Kayuhan santai ini merupakan program outreach Datuk Bandar bagi melihat persekitaran Seberang Perai bersama-sama penduduk sekitar disamping dapat meramah mesra serta mengadakan aktiviti yang menyihatkan.

Ahli Majlis MBSP, Encik Chee Yeeh Keen turut hadir bagi acara pelepasan peserta pada pagi ini.

Terima kasih diucapkan juga kepada Cawangan Trafik, PDRM SPT dalam membantu mengawal lalulintas dan turut menyertai program ini. Program ini turut dihadiri oleh Kakitangan MBSP serta penduduk sekitar.



LEISURE CYCLING PROGRAMME WITH THE MAYOR OF SEBERANG PERAI - 2ND APRIL 2022

Seberang Perai City Council held a Leisure Cycling Programme with the mayor of Seberang Perai around Bukit Mertajam and Permatang Pauh, SPT. This leisurely cycling is the mayor's outreaching programme to see the environment of Seberang Perai together with the surrounding residents as well as to be friendly and hold healthy activities.

MBSP councilors, Mr. Chee Yeeh Keen was also present for the release of participants this morning.

Thanks are also extended to the Traffic Branch, PDRM SPT for helping to control traffic and also participating in this programme. The programme were also attended by MBSP staff and the surrounding residents.



MAJLIS ANGKAT SUMPAH PENERIMAAN JAWATAN SEBAGAI SETIAUSAHA BANDARAYA MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI - 6 APRIL 2022



Ybrs. Tuan Hj Baderul Amin bin Abdul Hamid telah dilantik sebagai Tuan Setiausaha Bandaraya yang baharu berkuatkuasa pada 6 April 2022 menggantikan YBr. Ir Hj Rosnani binti Hj Mahmod yang telah bersara pada 5 April 2022.

Selamat bersara diucapkan kepada YBr. Ir Hj Rosnani binti Hj Mahmod dan selamat bertugas diucapkan kepada Tuan Setiausaha Bandaraya MBSP yang baharu iaitu YBr. Tuan Hj Baderul Amin bin Abdul Hamid.

Tahniah !

SWEARING-IN CEREMONY FOR ACCEPTANCE OF POST AS CITY SECRETARY OF SEBERANG PERAI CITY COUNCIL - 6 APRIL 2022

Ybrs. Tuan Hj Baderul Amin bin Abdul Hamid has been appointed as the new city secretary effective 6th April 2022 to replace YBr. Ir Hj Rosnani binti Hj Mahmod who retired on 5th April 2022.



Happy retirement to YBr. Ir Hj Rosnani binti Hj Mahmod and congratulations to the new MBSP city secretary, YBr. Mr. Hj Baderul Amin bin Abdul Hamid.

Congratulations!

WALKABOUT BERSEPADU BAZAR RAMADHAN MBSP BERSAMA JABATAN KESIHATAN NEGERI - 6 APRIL 2022



Ybhg. Dato' Azhar bin Hj Arshad, Datuk Bandar Seberang Perai bersama En. Mahamad Sukor bin Senapi, Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri Pulau Pinang mengadakan *Walkabout* Bersepadu Bazar Ramadan di Bazar Ramadan Seberang Jaya. Turut hadir bersama ialah Pengarah Pelesenan & Pengarah Direktorat Penguatkuasaan MBSP serta Pegawai Kanan dari MBSP & JKNPP.



Tujuan walkabout ini adalah untuk menyampaikan maklumat kepada peniaga bazar Ramadan mengenai pembudayaan Keselamatan Makanan mengikut Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 yang wajib dipatuhi oleh semua peniaga makanan disamping memastikan SOP Covid-19 masih dijaga. Turut diadakan Operasi Ujian Kualiti Makanan oleh JKNPP bagi memastikan keselamatan makanan yang dijual kepada pengguna adalah dijamin selamat. Turut diedarkan apron & topi kepada semua peniaga di Bazar Ramadan ini bagi memastikan syarat-syarat dalam pengendalian makanan dipatuhi.

Jika anda diluar sana mempunyai sebarang kemusykilan atau ingin membuat laporan / aduan berkaitan Keselamatan Makanan & Kualiti Makanan, anda boleh menghubungi Bahagian Keselamatan & Kualiti Makanan, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang di talian 04-2175100 atau melalui laman sesawang <https://moh.spab.gov.my>.



MBSP RAMADHAN BAZAAR INTEGRATED WALKABOUT WITH STATE HEALTH DEPARTMENT - 6TH APRIL 2022

Ybhg. Dato' Azhar bin Hj Arshad, mayor of Seberang Perai with En. Mahamad Sukor bin Senapi, Deputy Director of Health of the State of Penang held an Integrated Ramadan Bazaar Walkabout at the Seberang Jaya Ramadan Bazaar. Also present were the Director of Licensing & Director of the MBSP Enforcement Directorate as well as senior officers from MBSP & JKNPP.



The purpose of this walkabout is to provide information to Ramadan bazaar traders on the culture of Food Safety in accordance with the Food Hygiene Regulations 2009 which are compulsory to comply with by all food traders while ensuring that SOP of Covid-19 is still being maintained. A Food Quality Test Operation was also held by JKNPP to ensure the safety of food sold to consumers is guaranteed safe. Aprons & caps were also distributed to all traders in the Ramadan Bazaar to ensure that the conditions in food handling are complied with.

Anyone having any doubts or wanting to make a report/complaint related to Food Safety & Food Quality are welcomed to contact the Food Safety & Quality Division, Penang State Health Department at 04-2175100 or through the website <https://moh.spab.gov.my>.



PENYERAHAN PRODUK UPCYCLE KEPADA PENANG FOOTBALL CLUB (PFC) - 11 APRIL 2022



YBhg. Dato' Azhar bin Hj Arshad, Datuk Bandar Seberang Perai telah menyerahkan satu set Kerusi & Meja Upcycle kepada wakil dari Penang Football Club (PFC) iaitu YBrs. Encik Haja Mydin Bin Abdul Latif, Penolong Pengurus kelab berkenaan sebagai tanda sokongan MBSP kepada *Penang Football Club (PFC)*.

Satu Set Kerusi dan Meja Upcycle yang diserahkan ini merupakan produk Upcycle yang diperbuat daripada tong minyak terbuang. Wira Oren MBSP telah mengutip tong terbuang ini dan menggunakan kreativiti mereka untuk menghasilkan semula satu produk baharu yang berguna serta mempunyai nilai tersendiri.

Sebarang pertanyaan berkenaan hasil produk Upcycle yang dihasilkan oleh Wira Oren MBSP ini, Jabatan Perkhidmatan Perbandaran boleh dihubungi ditalian 04-5479658 untuk maklumat lanjut.



HANDOVER OF UPCYCLING PRODUCTS TO PENANG FOOTBALL CLUB (PFC) - 11TH APRIL 2022

Ybhg. Dato' Azhar bin Hj Arshad, mayor of Seberang Perai handed over a set of upcycle chairs & tables to representative from Penang Football Club (PFC) namely YBrs. Mr. Haja Mydin bin Abdul Latif, assistant manager of the club as a sign of MBSP's support for Penang Football Club (PFC).



A set of upcycle chair and table that was handed over is an upcycle product made from waste oil barrels. MBSP's Orange Heroes have collected these discarded barrels and have used their creativity to reproduce a new product that is useful and has its own value.

Shall there be any inquiries regarding the upcycle products produced by Orange Heroes MBSP, the Municipal Services Department can be contacted at 04-5479658 for more information.

MAJLIS PERASMIAN LAPANGAN RENTAS HALANGAN DAN 100 HARI DATUK BANDAR - 13 APRIL 2022



Ybhg. Dato' Azhar bin Hj Arshad, Datuk Bandar Seberang Perai telah merasmikan Lapangan Rentas Halangan Dan 100 Hari Datuk Bandar Seberang Perai di Pejabat Cawangan MBSP, Jalan Betek, Bukit Mertajam. Turut hadir bersama ialah semua Ketua Whip Ahli Majlis serta Ahli-Ahli Majlis MBSP, YBrs. Tuan Haji Baderul Amin bin Abdul Hamid, Setiausaha Bandaraya MBSP serta semua Ketua-Ketua Jabatan MBSP.

Untuk merealisasikan Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan, MBSP menjadikan 'Penang 2030' dan 'Sustainable Development Goals (SDGs)' sebagai instrumen penting untuk menyusun program-program serta aktiviti-aktiviti yang bersesuaian untuk memenuhi 'expectations stakeholders'. MBSP telah menggariskan sepuluh (10) Keutamaan Strategik (*Strategic Priorities*) dalam usaha-usaha ke arah 100 hari Datuk Bandar Seberang Perai iaitu Persekitaran yang selamat (SP01), Kemudahan dan Infrastruktur yang berkualiti (SP02), Gaya Hidup Sihat (SP03), Pembangunan Hijau dan Persekitaran Bersih (SP04), Penerapan Teknologi Baru (SP05), Ekonomi Bandar Yang Berdaya Saing (SP06), Memperkukuhkan Budaya dan Warisan (SP07), Bandar Yang Berdaya Tahan dan Berdaya Huni (SP08), Keterlibatan Komuniti (SP09) & Pembangunan yang inklusif dan saksama (SP10).

Ybhg. Datuk Bandar Seberang Perai turut merasmikan Lapangan Rentas Halangan yang mana lapangan ini merupakan salah satu latihan untuk menguji mental dan fizikal serta semangat kerjasama dalam kumpulan kepada kakitangan MBSP terutama Kakitangan Penguatkuasaan. Lapangan ini juga bertujuan untuk menilai tahap kecergasan penguatkuasa dalam merentas halangan agar memastikan mereka sentiasa bersemangat dan sihat dalam menjalankan tugas.



OPENING CEREMONY OF OBSTACLES CROSSING FIELD AND 100 DAYS OF THE MAYOR - 13RD APRIL 2022



Ybhg. Dato' Azhar bin Hj Arshad, mayor of Seberang Perai officiated the Seberang Perai Obstacle Crossing Field and 100 Days of The Mayor at the MBSP branch office, Jalan Betek, Bukit Mertajam. Also present were all Chief Whip councilors as well as MBSP councilors, Ybhrs. Tuan Haji Baderul Amin bin Abdul Hamid, MBSP city secretary and all MBSP department heads.

To realize Seberang Perai's Future Urban Aspirations, MBSP has made 'Penang 2030' and 'Sustainable Development Goals (SDGs)' as important instruments to organize programmes and activities that are appropriate to meet the 'expectations of stakeholders'. MBSP has outlined ten (10) Strategic Priorities in the efforts towards 100 days of the Mayor of Seberang Perai, namely Safe Environment (SP01), Quality Facilities and Infrastructure (SP02), Healthy Lifestyle (SP03), Development of Green and Clean Environment (SP04), Application of New Technologies (SP05), Competitive Urban Economy (SP06), Strengthening Culture and Heritage (SP07), Resilient and Livable Cities (SP08), Community Involvement (SP09) & Development Inclusive and Equitable (SP10).

Ybhg. the mayor of Seberang Perai also officiated the Obstacles Crossing Field which is one of the exercises to test the mental and physical as well as the spirit of cooperation in the group OF MBSP staff, especially Enforcement Staff. The field also aims to assess the level of fitness of enforcers in crossing obstacles to ensure they are always motivated and healthy in carrying out their duties.



MAJLIS PELANCARAN KAD PINTAR E - MUNISASI - 13 APRIL 2022



Majlis Pelancaran Kad Pintar E-Munisasi MBSP telah dirasmikan oleh YBhg. Dato'Azhar Bin Haji Arshad, Datuk Bandar Seberang Perai bertempat di Auditorium MBSP, Menara Bandaraya, Bandar Perda.



E - MUNICIPATION SMART CARD LAUNCH CEREMONY - 13RD APRIL 2022

The MBSP E-Munization Smart Card Launching Ceremony was officiated by YBhg. Dato' Azhar bin Haji Arshad, mayor of Seberang Perai at the MBSP auditorium, City Towre, Bandar Perda.



PROGRAM DATUK BANDAR TURUN PADANG & IHYA' RAMADHAN - 18 APRIL 2022

Ybhg. Dato' Azhar bin Hj Arshad, Datuk Bandar Seberang Perai bersama Pengarah Landskap, Pengarah Perkhidmatan Perbandaran serta pegawai kanan MBSP turun padang di Tapak Semaian MBSP Permatang Tengah, SPU, Depo Pembersihan Padang Cempedak, SPU serta Pusat Pendidikan Hijau, Padang Cempedak, SPU.



Lawatan tapak bagi Siri Ke - 5 ini merupakan salah satu kaedah "*Management by Walking Around*" (MBWA) bertujuan memantau keadaan sebenar di tempat-tempat seliaan MBSP bagi merancang penambahbaikan yang boleh dibuat pada masa hadapan untuk kemudahan kepada penduduk Seberang Perai.

Ybhg. Datuk Bandar turut mendekati Kakitangan MBSP yang bertugas di lapangan serta menyampaikan amanat serta nasihat dalam memastikan perkhidmatan MBSP terus berjalan lancar sepanjang masa.

Pada bulan Ramadhan yang mulia ini, YBhg. Datuk Bandar turut berkesempatan untuk menyumbang buah kurma kepada kakitangan Wira Oren MBSP untuk juadah berbuka puasa nanti. Buah kurma ini juga adalah kolaborasi antara MBSP & *Penang Football Club* (PFC) sebagai tanda sokongan MBSP kepada pembangunan sukan bola sepak di Pulau Pinang.



THE MAYOR FIELD TRIP & IHYA' RAMADHAN PROGRAMME - 18TH APRIL 2022



Ybhg. Dato' Azhar bin Hj Arshad, mayor of Seberang Perai together with the Director of Landscape, Director of Municipal Services and senior MBSP officers visited the MBSP Permatang Tengah Nursery, SPU, Padang Cempedak Cleaning Depot, SPU and Green Education Center, Padang Cempedak, SPU.



The site visit for the 5th Series is one of the "Management by Walking Around" (MBWA) methods aimed to monitor the actual situation in the places supervised by MBSP to plan for the improvements that can be made in the future for the convenience of the people of Seberang Perai.

The honourable mayor also approached the MBSP staff who work in the field and conveyed messages and advice in ensuring that MBSP services continue to run smoothly at all times.

In this glorious month of Ramadan, the honourable mayor also had the opportunity to donate dates to the staff of Orange Heroes MBSP for the breaking of fast later. This date giving is also a collaboration between MBSP & Penang Football Club (PFC) as a sign of MBSP's support for the development of football in Penang.



MAJLIS IFTAR DATUK BANDAR SEBERANG PERAI & PERMAI MBSP BERSAMA AHLI KARIAH MASJID DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH - 21 APRIL 2022



Ybhg. Dato' Azhar bin Hj Arshad, Datuk Bandar Seberang Perai dan Persatuan Kebajikan Pekerja-Pekerja Islam MBSP (PERMAI) telah menganjurkan Majlis Iftar bersama Ahli Kariah Masjid Daerah Seberang Perai Tengah, Bandar Perda, Bukit Mertajam.

Majlis berbuka puasa dimulai dengan bacaan tahlil dan doa selamat ini turut dihadiri oleh YBrs. Tuan Haji Baderul Amin bin Abdul Hamid, Setiausaha Bandaraya MBSP, YBrs. Ustaz Ajwad bin Abdul Aziz, Imam Utama Masjid Daerah SPT, YBrs. Encik Mohamad Nizam bin Md Shariff, Yang Dipertua PERMAI MBSP, AJK PERMAI & AJK Masjid serta Ahli-Ahli Kariah Masjid Daerah SPT.

SEBERANG PERAI MAYOR & PERMAI MBSP IFTAR CEREMONY WITH CENTRAL SEBERANG PERAI DISTRICT MOSQUE KARIAH MEMBERS - 21ST APRIL 2022

Ybhg. Dato' Azhar bin Hj Arshad, mayor of Seberang Perai and the MBSP Muslim Workers Welfare Association (PERMAI) has organized an Iftar Ceremony with the Kariah members of the Seberang Perai Tengah District Mosque, Bandar Perda, Bukit Mertajam.

The fast breaking ceremony began with the recitation of tahlil and this prayer was also attended by YBrs. Tuan Haji Baderul Amin bin Abdul Hamid, MBSP city secretary, YBrs. Ustaz Ajwad bin Abdul Aziz, main Imam of Central Seberang Perai District Mosque, YBrs. Encik Mohamad Nizam bin Md Shariff, president of PERMAI MBSP, PERMAI committee & mosque committee as well as Central Seberang Perai District Mosque Kariah members.



MAJLIS PERASMIAN KARNIVAL MAHABBAH & SERAHAN BAJU RAYA KEPADA ANAK-ANAK YATIM - 25 APRIL 2022

Yang Berhormat Dato' Ir Zakiyuddin bin Abdul Rahman, Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang telah merasmikan Karnival Mahabbah @ Ramadhan Syawal Kiosk Bertam 2022 & Serahan Baju Raya kepada anak-anak Yatim di Bertam, SPU.



Karnival Mahabbah @ Ramadhan Syawal yang telah dianjurkan buat kali ke - 11 tahun ini telah melibatkan hampir 200 usahawan kecil & sederhana yang sama-sama menjayakan serta meningkatkan produktiviti dalam jualan pelbagai barangan keperluan sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri yang bakal tiba. Tahniah diucapkan kepada Ahli Majlis kawasan serta pihak penganjur yang sentiasa memantau karnival ini agar berjalan lancar.

Anak-anak Yatim juga turut diraikan dengan sumbangan baju raya serta penyerahan Zakat perniagaan kepada madrasah al-quran, pondok pengajian dan maahad tahfiz sekitar kawasan ini.



Majlis ini turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Azhar bin Hj Arshad, Datuk Bandar Seberang Perai, barisan Ahli-Ahli Majlis MBSP dan Ketua Jabatan serta Pegawai Kanan MBSP.

MAHABBAH CARNIVAL OPENING CEREMONY & PRESENTATION OF RAYA SHIRTS TO ORPHANS - 25TH APRIL 2022



Yang Berhormat Dato' Ir Zakiyuddin bin Abdul Rahman, Deputy Chief Minister 1 Penang officiated the Mahabbah Carnival @ Ramadhan Syawal Kiosk Bertam 2022 & handed over of festive clothing to orphans in Bertam, SPU.



The Mahabbah @ Ramadhan Syawal Carnival which has been organized for the 11th time this year has involved almost 200 small & medium entrepreneurs who have both succeeded and increased productivity in the sale of various necessities in conjunction with the upcoming Hari Raya Aidilfitri celebration. Congratulations to the area councilors and the organizers who are constantly monitoring the carnival so that it runs smoothly.

Orphans were also celebrated with the donation of festive clothing, the handing over of business Zakat to madrasah al-quran, study huts and maahad tahfiz around this area.

The ceremony was also attended by YBhg. Dato' Azhar bin Hj Arshad, mayor of Seberang Perai, MBSP councilors and department heads as well as MBSP senior officers.



MAJLIS IFTAR & PRA-AIDILFITRI BERSAMA WIRA OREN JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN MBSP - 27 APRIL 2022

Ybhg Dato' Azhar bin Hj Arshad, Datuk Bandar Seberang Perai bersama barisan Ahli Majlis MBSP, Tuan Setiausaha Bandaraya MBSP, Pengarah Perkhidmatan Perbandaran, pegawai-pegawai kanan serta Wira Oren MBSP telah memeriahkan suasana Majlis Iftar & Pra-Aidilfitri anjuran Jabatan Perkhidmatan Perbandaran MBSP di Depoh Pembersihan Tasek Gelugor, SPU.

Majlis ini diadakan secara gotong-royong dengan mengacau dodol, membakar lemang, merebus ketupat serta penyediaan kuih raya bersama kakitangan & Wira Oren Jabatan Perkhidmatan Perbandaran MBSP. Semoga program seperti ini dapat mengeratkan ukhuwah silaturahim sesama kakitangan jabatan.



IFTAR & PRE-AIDILFITRI CEREMONY WITH MBSP MUNICIPAL SERVICES DEPARTMENT ORANGE HEROES - 27TH APRIL 2022

Ybhg Dato' Azhar bin Hj Arshad, mayor of Seberang Perai together with MBSP councilors, MBSP city secretary, director of municipal services, senior officers and MBSP Orange Heroes enlivened the atmosphere of the Iftar & Pre-Aidilfitri Ceremony organized by the MBSP Municipal Services Department in Tasek Gelugor Cleaning Depot, SPU.

The ceremony was held in a cooperative manner by stirring dodol, baking lemang, boiling ketupat and preparing festive cookies with the staffs and Orange Heroes of the MBSP Municipal Services Department. Hopefully, a programme like this can strengthen the brotherhood and friendship among the staffs of the department.



MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN MALAM 7 LIKUR ANJURAN BERSAMA MBSP & MASJID BAGAN BELAT, SPU - 28 APRIL 2022

Ybrs. Tuan Haji Baderul Amin bin Abdul Hamid, Setiausaha Bandaraya MBSP bersama barisan Ahli Majlis MBSP telah menyampaikan hadiah berbentuk hamper & wang tunai kepada penduduk Kampung Bagan Belat yang menyertai Pertandingan Malam 7 Likur yang berlangsung pada 14 April - 24 April 2022.

Pertandingan Malam 7 Likur merupakan satu inisiatif baru oleh Pasukan Kerja Kecemerlangan Wanita LA21 MBSP bersama warga Kampung Bagan Belat untuk menjalankan aktiviti hiasan di halaman rumah menggunakan barangan kitar semula. Hiasan ini menggunakan barangan terbuang yang dihasilkan semula (*Upcycle*) menjadi produk hiasan dan dipamerkan di halaman rumah untuk dinilai oleh pihak juri.



Pertandingan ini ditaja oleh Ahli Majlis MBSP iaitu YBrs. Puan Norly Masitah binti Mohamed Noor yang bertujuan untuk menerapkan amalan aktiviti kitar semula dalam kehidupan seharian penduduk serta pendedahan baharu dalam memberi nilai tambah bagi aktiviti *Upcycle* yang berguna kepada penduduk Kampung Bagan Belat.



7 LIKUR NIGHT COMPETITION PRIZE GIVING CEREMONY ORGANIZED BY MBSP & MASJID BAGAN BELAT, SPU - 28TH APRIL 2022



Ybrs. Tuan Haji Baderul Amin bin Abdul Hamid, MBSP city secretary together with MBSP councilors presented gifts in the form of hampers and cash to the residents of Kampung Bagan Belat who participated in the 7 Likur Night Competition which took place on 14th April - 24th April 2022.



The 7 Likur Night Competition is a new initiative by the LA21 MBSP Women's Excellence Working Team together with the residents of Kampung Bagan Belat to carry out decorative activities in the yard using recycled items. This decoration uses recycled waste (Upcycle) as decoration products and are displayed in the yard to be evaluated by the jury.

The competition was sponsored by MBSP councilor, YBr. Puan Norly Masitah binti Mohamed Noor who aims to apply the practice of recycling activities in the daily lives of the residents which also serves as new exposure in providing added value upcycling activities that are useful to the residents of Kampung Bagan Belat.



LAWATAN DAN KUNJUNG HORMAT VISITS AND HONORABLE VISITS

1. LAWATAN EXCO PERUMAHAN DAN KEHIDUPAN BANDAR NEGERI SELANGOR KE MBSP - 11 JANUARI 2022

SELANGOR STATE HOUSING AND URBAN LIFE EXCO VISIT TO MBSP - 11TH JANUARY 2022



2. LAWATAN POLIS BANTUAN UITM KE BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KOMUNITI MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI - 13 JANUARI 2022

*UITM ASSISTANCE POLICE VISIT TO SEBERANG PERAI CITY COUNCIL SAFETY AND
COMMUNITY DIVISION - 13RD JANUARY 2022*





3. LAWATAN DARI MAJLIS BANDARAYA IPOH - 20 JANUARI 2022 VISIT FROM IPOH CITY COUNCIL - 20TH JANUARY 2022



4. LAWATAN DARI MAJLIS PERBANDARAN HULU SELANGOR - 21 JANUARI 2022
VISIT FROM HULU SELANGOR MUNICIPAL COUNCIL - 21ST JANUARY 2022



5. KUNJUNG HORMAT DARI PENGARAH PLAN MALAYSIA NEGERI PULAU - 1 MAC 2022
HONORARY VISIT FROM THE DIRECTOR OF PLAN MALAYSIA PENANG - 1ST MARCH 2022



6. KUNJUNG HORMAT DARI INVEST PENANG - 4 MAC 2022
HONORABLE VISIT FROM INVEST PENANG - 4TH MARCH 2022



7. KUNJUNG HORMAT DARI TNB PULAU PINANG - 7 MAC 2022
HONORABLE VISIT FROM TNB PENANG - 7TH MARCH 2022



**8. KUNJUNG HORMAT DAN MESYUARAT KETUA POLIS PULAU PINANG BERSAMA DATUK BANDAR
- 10 MAC 2022**

**HONORARY VISIT AND MEETING OF PENANG CHIEF POLICE WITH THE MAYOR
- 10TH MARCH 2022**



9. KUNJUNG HORMAT DARI KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF PDC - 12 MAC 2022

HONORABLE VISIT FROM PDC CHIEF EXECUTIVE OFFICER - 12ND MARCH 2022



10. PERJUMPAAN DATUK BANDAR DENGAN MPC - 14 MAC 2022
MAYOR'S MEETING WITH MPC - 14TH MARCH 2022



11. LAWATAN DARI MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU - 31 MAC 2022
VISIT FROM JOHOR BAHRU CITY COUNCIL - 31ST MARCH 2022



12. KUNJUNG HORMAT MAJLIS SUKAN NEGARA - 1 APRIL 2022
HONORARY VISIT OF THE NATIONAL SPORTS COUNCIL - 1ST APRIL 2022



13. KUNJUNG HORMAT PENGARAH PERPADUAN NEGERI PULAU PINANG - 15 APRIL 2022
HONORARY VISIT OF THE DIRECTOR OF PENANG STATE UNITY - 15TH APRIL 2022



14. KUNJUNG HORMAT YAYASAN ISLAM PULAU PINANG - 22 APRIL 2022
HONORABLE VISIT OF THE ISLAMIC FOUNDATION OF PENANG - 22ND APRIL 2022





Menara Bandaraya
Jalan Perda Utama, Bandar Perda
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang

04-549 7555

04-538 9700

www.mbsp.gov.my

